

# 11 kes penyu mati dalam tempoh enam bulan

Sinar Harian 23/7/2019 m/s 18

KUANTAN - Sebanyak 11 kes kematian penyu jenis agar direkodkan Jabatan Perikanan Pahang (JPP) dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Pengaruhnya, Datuk Azahari Othman berkata, punca utama kematian reptilia itu disebabkan tersangkut pada pukat dan masalah usus berpunca daripada memakan plastik.

Menurut beliau, kematian penyu agar direkodkan paling tinggi berlaku pada Mac lalu iaitu enam ekor penyu diikuti Januari dan Februari masing-masing dua ekor penyu, manakala satu kes bulan lalu.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak lima kes kematian penyu agar dicatatkan berbanding satu kes sahaja pada 2017 dan dalam tempoh enam bulan tahun ini, 11 kes telah direkodkan.

"Dalam tempoh 12 tahun (2007-2018) sebanyak 66 kes kematian memabitkan 64 penyu jenis agar dan dua jenis penyu lipas.

"Jumlah kematian tidak menentu setiap tahun,"

## PENYU

Cheloniidae / Dermochelyidae

**Status**

EN

**Pupus**

EW

**Terancam**

CR

**Risiko rendah**

VU

Status Kesatuan Antarabangsa untuk Pemeliharaan Alam Sekitar (IUCN):

**Green Turtles**  
*Chelonia mydas*

Penjangkang: 100-130cm  
Berat: 100-150kg  
Umur: 20-30 tahun  
Diet: Plankton, ikan, rumput

Disebabkan sebagai Penyu Agak terancamnya kerana ia terdampar pada pantai-pantai yang tercemar dengan sampah plastik & sampah-sampah lain-lain. Selain itu, ia terancam kerana pengambilan daging karni & karni mereka. Sardinia yang adalah huri ke-1 teratas di Malaysia merupakan sumber makanan utama mereka. Selain itu, ia terancam kerana ia terdampar pada pantai-pantai yang tercemar dengan sampah-sampah lain-lain.

**Olive Ridley**  
*Lepidochelys olivacea*

Penjangkang: 90-110cm  
Berat: 40-60kg  
Umur: 15-20 tahun  
Diet: Ikan, krustasea, cacing

Gelombang yang tinggi & kuat adalah ancaman kepada penyu-penyu ini kerana ia mengakibatkan mereka terdampar pada pantai-pantai yang tercemar dengan sampah-sampah lain-lain.

**TAHUKAH ANDA?**

Sebelum makan pastikan anda mencuci tangan dengan teliti. Pastikan anda mencuci tangan dengan teliti sebelum makan. Pastikan anda mencuci tangan dengan teliti sebelum makan.

Jenis: Reptilia  
Pernairen: Terumbu, pantai berpasir & pulau  
Habitat: Terumbu, pantai berpasir & pulau

**Leatherback**  
*Dermochelys coriacea*

Penjangkang: 120-150cm  
Berat: 200-300kg  
Umur: 20-30 tahun  
Diet: Ikan, krustasea


Penyu Leatherback merupakan spesies yang terancam kerana ia terdampar pada pantai-pantai yang tercemar dengan sampah plastik & sampah-sampah lain-lain.

**Hawksbill**  
*Eretmochelys imbricata*


Penjangkang: 110-130cm  
Berat: 40-60kg  
Umur: 15-20 tahun  
Diet: Ikan, krustasea

Disebabkan sebagai Penyu Agak terancamnya kerana ia terdampar pada pantai-pantai yang tercemar dengan sampah plastik & sampah-sampah lain-lain.


### ANCAMAN




Kerusakan habitat & degradasi




Pemburuan harau




Perdagangan



Kematian disebabkan penangkapan



Pertumpahan telur



Pencemaran

Sumber: WWF Malaysia & www.iucn.org

Infografik Demama

katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Katanya, bangkai reptilia itu ditemui terdampar di pesisir pantai daerah ini dan siasatan dilakukan pegawai JPP selepas menerima aduan daripada penduduk setempat serta pelancong.

Menurutnya, JPP memandang serius kes memabitkan kematian penyu disebabkan tersangkut pada pukat atau jaring ne-

layan kerana kematian berlaku disebabkan kecuaihan manusia.

Beliau mengingatkan nelayan supaya menggunakan pukat dengan saiz mata yang dibenarkan sahaja bagi mengelak penyu tersangkut atau terperangkap.

"Kita juga menggalakkan nelayan tempatan menggunakan sejenis alat penyisih penyu (*turtle excluded device*) bagi bot pu-

kat tunda aktif pada musim tengkujuh," katanya.

Sementara itu, katanya, setiap tahun program kesedaran diadakan bagi memberi penerangan kepada nelayan supaya tidak sesuka hati membuang sampah terutama plastik ke laut.

Katanya, ia bagi mengelak penyu memakan plastik yang disangka ampai-ampai iaitu sejenis hidupan laut.